

Sekitar Konvokesyen UPM

# 'Di sinilah kami belajar'

365 pemegang Diploma Pertanian Kolej Pertanian Malaya 1974-1976 dirai

>>Oleh Mohd Hafizee  
Mohd Arop dan  
Nur Jaharah Kamaruddin  
am@hmetro.com.my

**S**ERDANG: "Saya sangat sedih kerana terdapat di antara rakan sekuliah dengan saya pada tahun 1974 sudah pergi menghadap Ilahi dan kehadiran saya di sini adalah sebagai mewakili mereka," kata Mantan Ketua Setiausaha Kementerian Belia dan Sukan (KBS), Datuk Yassin Salleh.

Yassin antara 365 pemegang Diploma Pertanian di Kolej Pertanian Malaya pada 1974, 1975 dan 1976 yang diraikan untuk menerima anugerah diploma pada Majlis Apresiasi Mentari Serdang sempena Majlis Konvokesyen Ke-36 Universiti Putra Malaysia (UPM), di sini, semalam.

Menurut Yassin, dia sangat gembira kerana dapat bertemu kembali dengan rakan sekuliah yang sudah berjaya



**YASSIN...gembira bertemu kembali rakan sekuliah**

mengecapi nikmat kejayaan dalam bidang yang diceburi masing-masing.

Katanya, graduan pertanian tidak boleh dipandang rendah kerana kebanyakan graduan yang dihasilkan Kolej Pertanian Malaya berjaya dan ini perlu dijadikan inspirasi oleh mahasiswa di UPM untuk menyaingi bekas graduan terdahulu.

"Saya sangat terharu kerana



**LIM...banyak kenangan manis**

dapat berada di sini untuk menggamit kembali memori lama yang menjadi nostalgia yang tidak dapat dilupakan dalam hidup ini. Di sinilah kami bersama-sama belajar sebelum masing-masing menyambung pelajaran ke peringkat ijazah," katanya.

Sementara itu, Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Kawasan Yong Peng, Lim Kee



**GEMBIRA...sebahagian daripada 400 graduan yang menerima diploma pada majlis Apresiasi Mentari Serdang, semalam.**

Moi, juga antara bekas graduan yang hadir berkata, tidak ada apa yang dapat perkatakannya selain daripada gembira kerana diraikan seperti baru menamatkan pengajian.

Menurutnya, banyak kenangan manis dan pahit tersimpan di UPM ketika be-

lajar pada 1975 dan bukan mudah untuk mengumpul kembali bekas mahasiswa yang sudah hampir 36 tahun berpisah membawa hala tuju masing-masing.

"Kesungguhan yang ditunjukkan membuktikan kesemua kami mempunyai ikatan yang amat erat dan saya sanggup

datang dari Johor semata-mata ingin bertemu kembali dengan rakan lama," katanya.

Majlis penyampaian disempurnakan Mantan Naib Canselor Pertama UPM, Tan Sri Datuk Dr Mohd Rashdan Baba, yang turut dihadiri Naib Canselor UPM, Datuk Dr Radin Umar Radin Sohdi.

FOTO | Rosdan Wahid